

03/09/1998

Rakyat, ahli Umno diminta bertenang

KUALA LUMPUR, Rabu - Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak meminta rakyat dan anggota Umno supaya bertenang dan meletakkan kepentingan parti di atas segala-galanya.

"Saya percaya Dr Mahathir telah meneliti segala fakta secara mendalam sebelum membuat keputusan.

"Marilah kita semua memberi kepercayaan sepenuhnya dan berdiri teguh di belakang pucuk pimpinan parti dan kerajaan yang dipimpin oleh Dr Mahathir," kata Najib yang juga Naib Presiden Umno.

Beliau yakin dan percaya Perdana Menteri yang banyak pengalaman dan berwibawa akan berjaya menangani perkara itu.

Sementara itu, Presiden MCA yang juga Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata parti itu menghormati keputusan Dr Mahathir.

"Kita menyokong keputusan itu kerana kita telah memilih beliau sebagai Perdana Menteri ... beliau mempunyai hak untuk mengambil keputusan itu," katanya.

Beliau berharap anggota Umno tetap menyokong tindakan Dr Mahathir mengikut keperluan dan kehendak semasa.

Sementara di Durban, Afrika Selatan, Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menghadiri sidang puncak Pergerakan Berkecuali (NAM) berkata beliau menyokong tindakan Perdana Menteri itu.

"Dr Mahathir lebih tahu apa yang perlu dilakukannya. Saya harap rakyat Malaysia dapat menerima tindakan yang dibuat oleh Perdana Menteri," katanya.

Beliau yakin Dr Mahathir sudah menghalusi sepenuhnya tindakan melupuskan jawatan Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri.

(END)